

5 Mac 2021

**KEPADA SEMUA PIHAK BERKEPENTINGAN YANG DIHORMATI**

**PE: PELAKSANAAN 'PAPERLESS EIR' UNTUK PENGELUARAN FCL IMPORT KONTENA MELALUI PINTU NORTHPORT**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada semua pihak berkepentingan yang dihormati.

Northport (Malaysia) Bhd ("Northport") kini sedang giat untuk melaksanakan pendigitalan proses bagi tujuan mencapai persekitaran tanpa kertas dan memupuk transaksi di dalam talian. Usaha ini juga dilihat sebagai langkah berterusan Northport untuk mengekalkan status "Pelabuhan Hijau" yang mampan.

Sebagai langkah pertama di dalam pelaksanaan pendigitalan ini, Northport akan memperkenalkan Electronic Equipment Interchange Receipt ("e-EIR") untuk proses pengeluaran kontena FCL. Melalui e-EIR, haulier tidak perlu lagi mencetak dokumen fizikal untuk tujuan pengambilan kontena FCL import dari Northport.

Bagaimanapun, kami ambil maklum berkenaan keperluan untuk dokumen fizikal bagi tujuan merekod kerosakan pada kontena. Untuk tujuan ini, pejabat operasi MT1 dan MT2 telah ditetapkan sebagai pejabat untuk mencetak e-EIR. e-EIR yang telah dicetak akan digunakan untuk mencatat kerosakan yang dikesan dan disokong oleh pegawai Northport sewaktu pemprosesan di pintu keluar Northport. Lokasi pejabat operasi MT1 dan MT2 boleh dirujuk di **Lampiran A**.

Tarikh pelaksanaan e-EIR untuk pengeluaran kontena FCL telah ditetapkan pada 15 Mac 2021.

Perlaksanaan ini merupakan titik permulaan Northport dalam usaha pendigitalan yang berterusan. Kami amat menghargai kesabaran and timbang rasa sewaktu tempoh peralihan ini di mana Northport akan berusaha ke arah menjadi sebuah pelabuhan yang lebih efisien.

Terima kasih dan Stay Safe.

Saya Yang Menjalankan Amanah,


**NORTHPORT (MALAYSIA) BHD**



**DATO' AZMAN SHAH MOHD YUSOF**  
Ketua Pegawai Eksekutif

Lampiran A : Lokasi pejabat operasi MT1 dan MT2

Lokasi Pejabat Operasi MT1 @ CT1 Container Yard



Lokasi Pejabat MT2 @ CT2 Container Yard

